

21/06/2003

Malaysia, Brunei mahu selesai isu Limbang secara rundingan

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Brunei berharap tuntutan bertindih daerah Limbang di Sarawak dapat diselesaikan dengan segera melalui perbincangan, demi kebaikan kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata masalah itu sudah dibincang pada peringkat pegawai tertinggi kedua-dua negara.

"Kami harap boleh mencari penyelesaian memuaskan kedua-dua pihak dengan segera. Ia boleh wujudkan masalah jika tak diselesaikan.

"Saya sudah berbincang. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

juga berbincang mengenainya. Hubungan kita sangat baik," katanya pada sidang media selepas mengadakan dialog lebih sejam dengan wakil Kelab Umno

Luar Negara sempena Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Dalam pertemuan Dr Mahathir dengan Sultan Brunei pada 23 Mei lalu, beliau melahirkan harapan isu tuntutan ke atas Limbang oleh Brunei dapat diselesaikan sebelum persaraannya, Oktober ini.

Limbang yang lokasinya diapit antara daerah Brunei-Muara dan daerah Temburong (ke arah Sabah) adalah antara kawasan yang sering dipersoalkan setiap kali masalah sempadan Malaysia-Brunei dibangkitkan.

Ahad lalu, syarikat minyak dan gas Perancis, Total menghentikan kerja cari gali minyak di satu kawasan laut dalam di luar pesisir pulau Borneo kerana ia termasuk dalam kawasan pertikaian sempadan Brunei dan Malaysia.

Syed Hamid berkata, perkara lebih penting, ialah sebarang aktiviti yang dijalankan di kawasan terbabit harus dilakukan berdasarkan persefahaman antara kedua-dua negara.

Beliau berkata, selepas perkara itu diselesaikan, syarikat minyak kedua-dua negara boleh menjalankan aktiviti masing-masing selepas mereka diusir keluar dari kawasan berkenaan baru-baru ini.

Mengenai peralihan pelaburan dari Asia Barat Timur ke Malaysia, katanya, beliau tidak hairan jika peralihan itu berlaku kerana negara sentiasa memberi insentif menarik dengan suasana hidup yang baik serta kestabilan politik.

Mengenai sekolah agama rakyat (SAR), Syed Hamid yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno, berkata kerajaan tidak menentang SAR yang dibina oleh rakyat, dengan syarat ia mempunyai tenaga pengajar berkelayakan.

Beliau berkata, kerajaan perlu menghalang guru SAR yang bertindak menyebarkan pengajaran menentang Islam dan menanam kebencian serta salah faham mengenai pemimpin serta negara.

Beliau berkata, kerajaan tidak perlu menumpukan perhatian terhadap pengaruh Pas di luar negara kerana majoriti pelajar khususnya pelajar

tempatan di luar negara menyokong Barisan Nasional (BN).

Mengenai Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC), Syed Hamid berkata, persidangan itu tiada kena-mengena dengan parti politik tempatan, termasuk Umno kerana ia adalah projek negara dan mereka tidak memerlukan bantuan Pas.